

## **STATUS UNDANG-UNDANG WANITA DALAM ISLAM**

Misnida Gusni  
Nurreha Bajuri  
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

### Suggested Citation:

Gusni, M., Bajuri, N., & Jasmi, K. A.(2012). Status Undang-Undang Wanita dalam Islam in *Prosiding Seminar Tamadun 2012* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 21 April 2012, pp. 1-22. ISBN 978-967-0194-19-6.

### Abstrak

Wanita pada zaman dahulu, iaitu sebelum kedatangan Islam dianggap rendah. Mereka selalu ditindas dan dihina oleh lelaki. Tetapi selepas kedatangan Islam, wanita adalah sama taraf dengan lelaki. Kita dapat lihat dimana wanita diciptakan oleh Allah S.W.T. Untuk manjadi peneman hidup kepada lelaki. Oleh sebab itulah Allah S.W.T. menciptakan Hawa untuk menemankan Nabi Adam a.s. di dunia ini. Setelah kedatangan Islam status wanita tejamin dengan adanya pelbagai undang-undang yang mempertahankan kedudukan wanita. Kedudukan wanita daripada pelbagai sudut seperti kekeluargaan, pekerjaan serta sumber pendapatan dari pelbagai peringkat umur samada kanak-kanak, remaja dan wanita dilindungi oleh Islam.

# **STATUS UNDANG-UNDANG WANITA DALAM ISLAM**

**Misnida Gusni  
Nurreha Bajuri  
Kamarul Azmi Jasmi**

## **ABSTRAK**

*Wanita pada zaman dahulu, iaitu sebelum kedatangan Islam dianggap rendah. Mereka selalu ditindas dan dihina oleh lelaki. Tetapi selepas kedatangan Islam, wanita adalah sama taraf dengan lelaki. Kita dapat lihat dimana wanita diciptakan oleh Allah S.W.T. untuk menjadi peneman hidup kepada lelaki. Oleh sebab itulah Allah S.W.T. menciptakan Hawa untuk menemankan Nabi Adam a.s. di dunia ini. Setelah kedatangan Islam status wanita tejamin dengan adanya pelbagai undang-undang yang mempertahankan kedudukan wanita. Kedudukan wanita daripada pelbagai sudut seperti kekeluargaan, pekerjaan serta sumber pendapatan dari pelbagai peringkat umur samada kanak-kanak, remaja dan wanita dilindungi oleh Islam.*

## **PENGENALAN**

Hawa diciptakan oleh Allah S.W.T. untuk menjadi peneman hidup bagi Adam. Perkara ini menjadi simbol bahawa wanita diamanahkan untuk menjadi penyeri hidup kepada lelaki seperti Adam dan Hawa. Wanita dari segi bahasa ialah lawan kepada lelaki. Manakala, dalam bahasa Arab yang merupakan bahasa rasmi Islam perkataan wanita mempunyai pelbagai sebutan, iaitu *al-Untsa, al-Mar'ah dan al-Nisa'*. Mengikut kamus al-Munjid, terbitan Dar al-Masyriq, cetakan ke-20 (dalam Paizah Ismail, 2010: 2):

*'Al-Untsa ialah kata tunggal yang memberi erti lawan kepada lelaki. Pada asalnya, perkataan al-Untsa adalah pecahan daripada kata kerja anath yang bererti lembut dan tidak keras. Jadi, apabila perkataan al-Untsa digunakan untuk memberi erti orang perempuan atau wanita, ia adalah lawan bagi lelaki. Ia mungkin berdasarkan kepada kelembutan dan kehalusan kejadian kaum wanita itu sendiri ini berbeza dengan kaum lelaki yang dikatakan keras dan kasar sifatnya. "*

Mengikut Ibn Manzur dalam Kamus Lisan al-Arab, terbitan Beirut: Dar al-Fikh, edisi 1, 1990, Jld. 15 (Paizah Ismail, 2010: 3):

*"Perkataan al-Nisa' atau al-Niswan adalah kata jamak bagi perkataan al-Mar'ah, iaitu kata jamak yang tidak diambil daripada kata tunggalnya. Mengikut kebiasaan yang berlaku dalam bahasa Arab, kata jamak adalah dibentuk daripada kata tunggalnya. Walau bagaimanapun, penggunaan bukan kata tunggal seperti ini bukanlah sesuatu yang ganjil. Ia banyak berlaku dalam bahasa Arab. "*

Dalam Islam kaum wanita dan kanak-kanak diberi keistimewaan dari pelbagai sudut antaranya adalah dari segi undang-undang Syariah. Jika dilihat pada zaman Jahiliah, iaitu zaman sebelum kedatangan Islam kaum pada masa itu menganggap wanita adalah beban kepada mereka. Oleh itu mereka dengan sewenang-wenangnya meletakkan status wanita sebagai sesuatu yang remeh. Misalnya, membunuh kanak-kanak perempuan yang baru lahir dan juga menjadikan kaum wanita sebagai hamba selain kaum wanita dan kanak-kanak perempuan tidak boleh mewarisi harta. Setelah kedatangan sinar Islam di tanah Arab, status wanita berubah menjadi lebih baik dan terjaga seperti wanita tidak lagi ditindas dengan menjadikan wanita sebagai hamba. Islam juga turut membuka minda kaum sebelum kedatangan Islam bahawa tiada istilah bebanan untuk wanita mahupun kanak-kanak perempuan yang baru dilahirkan. Semakin Islam berkembang, status wanita lebih terjamin dengan adanya undang-undang untuk wanita dalam Islam (Jawad H. A, 1988).

## PANDANGAN SYEIKH MUHAMMAD AL-GHAZALI

Syeikh Muhammad al-Ghazali merupakan seorang ulamalulusan Universiti al-Azhar dalam pendidikan Usuludin. Beliau mengarang lebih daripada 58 buah buku disamping membuat pelbagai penyelidikan. Hasil penyelidikan beliau juga diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa asing seperti bahasa Peracis, Inggeris, Urdu, dan Melayu. Beliau juga turut memberikan pandangan beliau dalam beberapa aspek berdasarkan hasil kajian yang beliau lakukan. Antara pandangan yang dilontarkan oleh beliau adalah mengenai hal-hal yang berkaitan dengan wanita. *Sunnah al-Nabawiyyah*, *Baina Ahl al-Fiqh Wa Ahl al-Hadis* dan *Qadhaya al-Mar-ah Baina al-Taqlid al-Rakidah Wa al-Wafidah* adalah antara buku yang menegaskan kedudukan wanita dan lelaki adalah sama dalam Islam. Dalam kalangan masyarakat Islam berlaku banyak kekeliruan tentang wanita disebabkan oleh pandangan pendakwah dan pemidato Islam terdahulu. Oleh itu, beliau menulis sebuah buku yang bertajuk *Turathuna al-Fikri Fi Mizan al-Syar Wa al-'Aql*, 1991, muka surat 84-85. Pendakwah dan pemidato Islam tersebut membuat andaian bahawa wanita dilahirkan semata-mata untuk melahirkan anak. Di samping itu, mereka juga mengeluarkan pendapat bahawa tempat wanita adalah di rumah sahaja seperti mereka tidak diizinkan keluar kemana-mana kecuali ke rumah suami(selepas berkahwin) dan ke kubur(selepas mati). Menurut pandangan pendakwah dan pemidato Islam lagi, anak-anak gadis tidak dibenarkan belajar sehingga ke peringkat yang lebih tinggi (Paizah Ismail, 2010: 52).

Pandangan ini disangkal oleh Syeikh Muhammad al-Ghazali kerana pemidato dan pendakwah tersebut menjatuhkan Islam itu sendiri yang menyebabkan masyarakat luar melihat Islam sebagai agama yang tidak menghormati wanita dan memperkecilkan kedudukan wanita. Walhal Islam tidak mengira perbezaan nilai kemanusian samada lelaki maupun wanita. Perkara seperti ini terjadi kerana mereka yang memperkatakan sedemikian rupa tidak benar-benar faham mengenai Islam lalu memperkatakan tentangnya. Beliau pernah berkata dalam buku yang sama, iaitu *Turathuna al-Fikri Fi Mizan al-Syar Wa al-'Aql* (Paizah Ismail, 2010: 53):

*"Malangnya, sesetengah orang yang bercakap tentang Islam kurang faham dan tidak begitu sedar tentang agama itu sendiri. Lebih malang daripada itu, pemikiran mereka yang tidak betul itu kemudiannya menjadi satu prinsip pendirian dan pertegaskan dalam penulisan. Kebanyakan mereka sebenarnya tidak tahu tentang kedudukan keluarga dalam masyarakat, begitu juga kedudukan wanita dalam mendukung keluarga. Sebaliknya, mereka menyebarkan idea bahawa Islam meremehkan wanita dan tidak bersedia untuk memberikan hak asasi yang sama kepada mereka. Sehingga tersebar ke seluruh dunia bahawa Islam adalah musuh wanita yang sentiasa menzaliminya dan sentiasa menghalang mereka daripada mendaki ke atas. "*

Dalam hal-hal seperti ini terdapat pelbagai salah faham yang timbul apabila seseorang yang tidak mempunyai ilmu yang secukupnya tentang apa yang diperkatakan oleh mereka. Pandangan Syeikh Muhammad al-Ghazali tersebut menjelaskan bahawa Islam tidak meremehkan hak asasi wanita. Lanjutan daripada pandangan tersebut, kita dapat menyatakan seseorang itu mestilah memahami, mendalami, dan mengkaji terlebih dahulu sebelum memberikan pendapat ataupun memberikan pandangan. Di Malaysia status undang-undang wanita dalam Islam dikuatkuaskan dengan jayanya seperti dalam undang-undang Syariah, iaitu seperti tuntutan nafkah daripada isteri sekiranya suami tidak memberikan keperluan kepada bekas isteri mereka setelah berpisah.

Dalam Islam Rasulullah s.a.w. diutuskan oleh Allah S.W.T. sebagai rahmat untuk seluruh alam. Melalui rahmat yang diberikan, taraf kemanusiaan wanita dimartabatkan dengan ilmu yang mereka perolehi. Mereka juga mempunyai kebebasan dalam meningkatkan tahap kerohanian mereka di tempat ibadah seperti masjid dan surau. Rahmat yang diturunkan oleh Allah S.W.T. turut membenarkan mereka mempunyai kehidupan bermasyarakat dengan batas-batas tertentu yang berlandaskan hukum Islam, iaitu amar makruf dan nahi mungkar yang dituntut oleh al-Quran.

Menghurai dengan lebih lanjut, al-Syeikh Muhammad al-Ghazali (t.t.: 67) menyebut kekeliruan sesetengah masyarakat Islam terhadap status wanita dalam buku *Turathuna al-Fikri Fi Mizan al-Syar' Wa al-'Aql*:

*“Di bawah tamadun baru yang ada sekarang, wanita menjadi angkasawan yang sama-sama meneroka angkasa lepas. Sedangkan kita masih lagi member fatwa mereka lebih afdal bersembahyang di rumah dan sepatutnya tidak aktif dalam masyarakat. Para pendakwah itu perlu segera bangun daripada tidur untuk menghadapi tamadun baru dengan alternatif Islam yang betul. Rasulullah s.a.w. sendiri pernah member ganjaran kepada golongan wanita yang keluar ke medan perang bersama para tentera untuk memberi khidmat perubatan dan sivil. Baginda juga melakukan mubah’ah(jual beli) dengan para wanita. Maka, mengapa pula sesetengah para ulama kita beria-ia menggambarkan Islam sebagai penjara bagi wanita?”*

Pandangan tersebut memperjelaskan bahawa Islam tidak menyuruh wanita hanya mengikut dan tunduk terhadap perintah kaum Adam. Wanita juga disarankan untuk memajukan diri sendiri dan juga menyumbangkan tenaga kepada agama, bangsa serta negara. Misalnya, pada zaman Rasulullah s.a.w. lagi kaum hawa terlibat secara langsung dalam bidang perniagaan, iaitu Siti Khadijah yang dikenali sebagai seorang saudagar wanita berjaya ketika itu. Selari dengan peredaran zaman wanita pada ketika ini lebih proaktif dalam kerjaya mereka. Wanita juga melakarkan nama dalam tampok pemerintahan Negara seperti di Malaysia seperti Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz yang merupakan gabenor Malaysia.

## **KEDUDUKAN WANITA DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA**

Islam menetapkan wanita dalam keluarga dan masyarakat pada tempat yang sewajarnya. Terdapat banyak nas al-Quran dan hadis yang menyebut tentang persamaan antara lelaki dan perempuan sama ada dari segi nilai kemanusiaan, hukum, urusan sivil, jenayah dan sebagainya. Persamaan yang dimaksudkan oleh Islam antara lelaki dan wanita bukanlah persamaan yang sepenuhnya. Hal ini adalah kerana dalam sesetengah perkara wanita tidak dapat melaksanakan tugas-tugas lelaki sepenuhnya. Manakala, lelaki juga tidak mampu melaksanakan tugas-tugas wanita.

Sebagaimana yang dinyatakan Islam tidak mempunyai sikap diskriminasi terhadap wanita. Dalam kehidupan masyarakat hanya terdapat sedikit perbezaan daripada segi hukum dan itu hanyalah semata-mata untuk menjamin pelaksanaan fungsi masing-masing. Berikut ini contoh pelbagai enakmen undang-undang tentang kedudukan wanita dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia di Selangor.

**Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1984 (Selangor)**  
Terdapat sepuluh bahagian yang menyentuh tentang enakmen ini sebagaimana yang tercatat dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 1984 di Selangor, iaitu:

(1) Bahagian pertama: Permulaan

*Mengenai tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa, tafsiran, pengecualian prerogatif, pemakaian, kriterium bagi memutuskan seseorang itu adalah Islam, perkahwinan yang masih berterusan hendaklah berterusan sebagai didaftarkan dibawah enakmen ini dan boleh dibubarkan hanya di bawah enakmen ini.*

(2) Bahagian kedua: Perkahwinan

*Mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai kuasa mengakadnikah, umur minima perkahwinan, pertalian yang menghalang perkahwinan, perkahwinan dengan bukan Islam, perkahwinan tidak sah, perkahwinan yang tidak boleh didaftarkan, persetujuan pengantin, wali dan hakim syarie, perkahwinan seorang perempuan, pertunangan, permohonan perkahwinan, rujukan dan tindakan kepada hakim syarie, kebenaran sebelum akad nikah, tempat perkahwinan, mas kahwin dan pemberian, catatan dalam daftar perkahwinan, poligami dan akad nikah di kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri.*

(3) Bahagian ketiga: Pendaftaran perkahwinan

*Mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan pendaftaran, surat perakuan nikah dan taklik, laporan perkahwinan yang tidak sah atau tidak legal, pendaftaran perkahwinan luar negeri Selangor, pendaftaran yang tidak diakui sah dan efek pendaftaran di sisi undang-undang.*

- (4) Bahagian keempat: Penalti dan pelbagai perutukan mengenai akad nikah dan pendaftaran perkahwinan  
*Mengandungi peruntukan berkenaan kegagalan untuk hadir dihadapan pendaftar pada masa yang ditetapkan, pelanggaran kaedah pendaftaran, ganguan terhadap perkahwinan, akuan atau penyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan, kesalahan-kesalahan berhubung dengan akad, kebenaran mendakwa, membetulkan kesilapan, pemeriksaan daftar perkahwinan dan bukti.*
- (5) Bahagian kelima: Pembubaran perkahwinan  
*Mengandungi peruntukan mengenai had kuasa untuk membuat perintah, pertukaran agama, perceraian talak dengan perintah, timbangtara oleh hakam, perceraian buluk(tebus talak), perceraian di bawah taklik atau janji, rujuk, fasakh, anggapan mati, pendaftaran perceraian dan pembatalan, mutaah, hak terhadap mas kahwin dan pembahagian harta sepencarian.*
- (6) Bahagian keenam: Nafkah  
*Mengandungi peruntukan kuasa mahkamah dalam pemberian nafkah kepada isteri dan efek nusyuz, pentaksiran nafkah, cagaran nafkah, kompaun nafkah, tempoh perintah nafkah, hak terhadap nafkah atau pemberian selepas perceraian, mengubah perintah pemberian nafkah, kuasa mahkamah untuk mengubah perjanjian pemberian nafkah, pemindahan hak milik nafkah, tunggakan nafkah, nafkah sementara, hak tempat tinggal, nafkah anak, cagaran nafkah anak, tunggakan nafkah anak, nafkah anak angkat, tempoh pemberian nafkah anak dan nafkah anak tidak sah taraf.*
- (7) Bahagian ketujuh: Penjagaan kanak-kanak dan harta.  
*Mengandungi peruntukan hak penjagaan kanak-kanak, kelayakan yang perlu untuk penjagaan, tempoh penjagaan, penjagaan anak tidak sah taraf. kuasa mahkamah membuat perintah penjagaan, orang yang berhak kepada penjagaan, kuasa terhadap harta, perlantikan penjaga oleh mahkamah, perlantikan ibu sebagai penjaga melalui wasiat, penjaga bersama ibu, perubahan kuasa pada penjaga harta, pemecatan*

*penjaga, cagaran penjagaan, had kuasa penjaga yang dilantik oleh mahkamah, perintah khas mengenai harta kecil, perintah larangan oleh mahkamah, penjagaan anak yatim, akta penjagaan kanak-kanak 1961 tidak boleh dipakai jika berlawanan dengan agama Islam 13/61, nasihat pegawai kebajikan, kuasa mahkamah menghalang membawa anak ke luar negara, kuasa mahkamah menghalang perpindahan dan tegahan terhadap gangguan.*

(8) Bahagian kelapan: Pelbagai

*Mengandungi peruntukan berkenaan pengiktirafan perkahwinan orang Islam yang dilakukan di luar Malaysia, kesahtarafan anak dan peraturan negara asing.*

(9) Bahagian kesembilan: Penalti

*Mengandungi peruntukan mengenai poligami tanpa kebenaran mahkamah, perceraian tanpa kebenaran mahkamah, tidak membuat laporan, meninggalkan isteri, menganiaya isteri, dan tidak bersikap adil kepada isteri, isteri tidak menurut perintah, menjadi murtad untuk membatalkan perkahwinan, persutubuhan luar nikah antara orang yang bercerai, cuai mematuhi perintah nafkah, percubaan dan subahat(orang yang bersubahat).*

(10) Bahagian kesepuluh: Am

*Mengandungi peruntukan mengenai kuasa membuat kaedah dan pemansuhan.*

Inilah sepuluh bahagian contoh yang terdapat dalam undang-undang di negeri Selangor yang berkaitan dengan wanita Islam.

Hak-hak Wanita Islam

Wanita mempunyai hak dalam urusan perkahwinan, hak sebagai isteri, hak dalam urusan perceraian dan hak sesudah berlaku perceraian sebagaimana berikut:

(1) Hak dalam urusan perkahwinan

(a) Hak untuk berkahwin

Hak ini adalah untuk melindungi wanita dalam soal perkahwinan yang sesuai dengan batas-batas perlindungan yang di tentukan oleh syariat Islam. Perkara ini juga selari dengan kedudukan wanita dalam masyarakat Islam sebagai golongan yang perlu diberi perlindungan yang lebih oleh sebab fizikal dan sosial. Sebagai contoh di negeri Selangor, terdapat beberapa enakmen yang melindungi hak wanita dalam menetukan jodoh dan perkahwinan masing-masing. Wanita tidak terikat dengan kata-kata seperti *kahwin paksa*. Mengikut Mazhab Syafie, yang menjadi asas utama kepada enakmen ini mengikut (Fasal 2 (1), perkahwinan ijbar dikenakan kepada anak dara yang belum pernah berkahwin. Walaubagaimanapun, bagi wanita yang bergelar janda wali tidak ijbar dikenakan dalam system perwalian mereka. Dalam erti kata lain seorang perempuan janda diberikan hak untuk menetukan sendiri bakal suami mereka, meskipun wali yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan tugas akad. Menurut fasal (8) undang-undang berkenaan, suatu perlindungan dibuat terhadap anak perempuan dibawah umur daripada dikahwinkan sesuka hati oleh walinya yang mujbir

*"Tiada suatu perkahwinan boleh diakadnikahkan atau didaftarkan di bawah enakmen ini jika lelaki itu berumur kurang daripada 18 tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada 16 tahun kecuali jika hakim syariah member kebenarananya dalam hal keadaan tertentu."*

*– Fasal 8.*

Fasal tersebut menjelaskan bahawa wanita dibawah umur yang dikahwinkan oleh wali mujbir mendapat hak perintah mahkamah untuk membubarkan perkahwinan. Hakikatnya

sejak zaman dahulu lagi nasib wanita dibawah umur terbelah sehingga kerajaan pada masa kini mewujudkan Undang-undang Keluarga Islam 1984 yang turut di pengaruhi oleh mazhab Syafie.

- (b) Hak persetujuan atau tidak untuk berkahwin.

Dalam Fasal 25, pihak perempuan boleh meminta untuk membubarkan perkahwinan tanpa keizinan wanita itu sendiri.

*"Seorang perempuan yang berkahwin di bawah hukum syarak adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau memohon fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan berikut: tiada keizinan daripada isteri akan perkahwinan itu atau keizinannya tidak sah."*

- *Fasal 25.*

- (c) Hak untuk mendapat wali

Wanita yang tidak mempunyai bapa mahupun abang atau pun saudara lelaki yang terdekat masih boleh meneruskan pernikahan. Jika berlaku perkara demikian kuasa perwalian akan berpindah kepada pemerintah, atau diistilahkan sebagai wali Raja. Di sini kita dapat melihat bahawa Islam masih memberikan pilihan kepada wanita untuk meneruskan hasrat perkahwinan mereka.

- (d) Hak mendapat ganti rugi kerana memutuskan pertunangan.

Pertunangan dalam Islam merupakan ikatan yang mengharuskan suatu perkahwinan itu berlaku. Namun dalam erti kata lain ianya bukanlah sebuah kontrak atau perjanjian yang melahirkan hak dan tanggungjawab. Sekiranya pertunangan tersebut terbatal serta memudaratkan kepada pihak yang satu lagi maka pihak tersebut berhak menuntut ganti rugi. Hal ini membenarkan pihak perempuan membuat tuntutan seperti itu sekiranya pembatalan itu berlaku daripada pihak lelaki. Rentetan daripada perkara

ini Islam dapat digambarkan sebuah agama yang adil. Dalam enakmen ini, hak meminta ganti rugi dinyatakan seperti yang berikut:

*"Jika seseorang itu mengikat satu kontrak pertunangan mengikut hukum syarak, sama ada secara lisan atau secara bertulis dan sama ada secara bersendirian atau melalui seorang perantaraan dan kemudianya enggan berkahwin dengan pihak yang satu lagi tanpa sebab yang munasabah, maka pihak yang membatalkan bertanggungjawab memulangkan pemberian pertunangan jika ada, atau membayar dengan wang yang sama nilainya seperti yang dibelanjakan oleh pihak tersebut dalam membuat persediaan bagi perkahwinan itu, dan yang demikian boleh dituntut melalui tindakan dalam mahkamah."*

- Fasal 15.

Dalam Fasal 15 ini tidak semestinya wanita yang berhak menuntut ganti rugi tetapi sekiranya wanita yang membatalkan pertunangan pihak lelaki juga boleh menuntut ganti rugi terhadap pihak wanita.

- (e) Hak mendapat mas kahwin yang dipersetujui.  
Perkahwinan dalam Islam mewajibkan pihak lelaki memberi mas kahwin kepada pihak wanita. Walaubagaimanapun, nilai tersebut tidaklah tetap dan tidak perlu disebut semasa akad. Mas kahwin adalah tanda hadiah pihak lelaki kepada pihak wanita. jelas terbukti bahawa Islam menjaga status wanita dan menghargai keistimewaan wanita. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1984 menjelaskan:

*"Mas kahwin biasanya dibayar oleh pihak lelaki atau wakilnya kepada pihak perempuan atau wakilnya dihadapan orang yang mengakadnikahkan perkahwinan itu dan sekurang-kurangnya dua orang saksi lain. "*

- Fasal 21

Pihak perempuan mempunyai hak milik sepenuhnya terhadap mas kahwin dan hanya dirinya sahaja berhak ke atasnya. Fasal 57 daripada undang-undang tersebut juga menjelaskan:

*"Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam enakmen ini boleh menyentuh apa-apa hak yang mungkin ada pada seseorang isteri di bawah hukum syarak terhadap mas kahwinnya dan pemberian kepadanya atau apa-apa bahagian daripadanya apabila perkahwinannya dibubarkan. "*

- Fasal 57

- (f) Hak perlindungan undang-undang daripada dipoligamiikan Islam mengharuskan poligami. Walaubagaimanapun para suami perlulah berlaku adil kepada isteri-isteri mereka. Ia merupakan satu syarat yang perlu dipatuhi oleh suami ketika berpoligami. Jika suami tidak berlaku adil, isteri boleh menuntut hak mereka dengan meminta penceraian.
- (2) Hak sebagai isteri

Hak sebagai isteri ada dua bentuk, iaitu hak memperolehi nafkah dan hak dilayan secara baik dalam perkahwinan:

- (a) Hak memperolehi nafkah
- Suami di wajibkan untuk menjaga nafkah isteri selepas berlakunya akad nikah. Nafkah merupakan perbelanjaan atau sara hidup isteri seperti perbelanjaan keperluan isteri. Jika suami tidak menjelaskan nafkah kepada isteri, isteri boleh mendapatkan perintah mahkamah untuk mendapatkan pembayaran nafkah daripada suami. Namun begitu, isteri yang berlaku nusyuz tidak berhak menuntut nafkah. Selain daripada itu, isteri juga tidak berhak menuntut nafkah sekiranya isteri menjauhkan diri daripada suami, isteri meninggalkan rumah suami yang mana perkara itu bertentangan dengan kemahuan suami dan isteri enggan bersama suami ke suatu rumah atau tempat lain tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut hukum syarak.

- (b) Hak dilayan secara baik
- Suami perlulah melayan isteri secara baik dan saksama. Dalam undang-undang keluarga Islam 1984 fasal 128 menjelaskan

bahawa suami perlulah berlaku adil kepada isteri. Jika suami tidak berlaku adil, ia merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang dan dikenakan denda satu ribu ringgit atau penjara enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(3) Hak dalam urusan perceraian

Islam menjamin hak-hak perlindungan kepada kaum wanita supaya mereka tidak teraniaya dalam masalah tersebut. Islam membantu kaum wanita dalam masalah ini melalui fasak, taklik, tebus talak atau khuluk dan sebagainya:

(a) Hak untuk bercerai

Dalam Fasal 47 (1) menyebut: "*Seseorang suami atau isteri yang hendak bercerai, hendaklah menyerahkan permohonan kepada mahkamah dalam boring yang ditetapkan.*" Peruntukan tersebut memberi inisiatif kepada suami dan isteri untuk bercerai melalui keputusan kadi(mahkamah) dan hanya dilakukan oleh pihak perempuan atas sebab-sebab tertentu. Majoriti fuqaha Islam berpendapat, masalah perceraian bukan sahaja timbul daripada masalah seksual malah terdapat juga alas an lain seperti tidak member nafkah kepada isteri, kecacatan suami, suami menghilangkan diri, suami dipenjarakan dan sebagainya. Dalam enakmen ini kita dapat membuat tafsiran sesungguhnya wanita dalam Islam mempunyai hak untuk menuntut cerai.

(b) Hak untuk tidak diceraikan oleh suami dengan sewenang-wenangnya

Fasal 47 (1) turut memberi perlindungan kepada isteri untuk tidak diceraikan dengan sewenang-wenangnya oleh para suami. Hal ini kerana peruntukan tersebut tidak membenarkan suami untuk melafazkan talak secara bersendirian(luar mahkamah). Jika berlaku seperti itu si suami boleh didakwa dan dihukum mengikut undang-undang yang ditetapkan.

## (c) Hak untuk bercerai secara tebus talak

Fasal 49 (1) menjelaskan “*Jika suami tidak bersetuju menjatuhkan talak dengan kerelaannya sendiri, tetapi pihak-pihak itu bersetuju bercerai dengan cara penebusan atau cerai tebus talak, mahkamah hendaklah, selepas jumlah bayaran tebus talak dipersetujui oleh pihak-pihak itu, mengarahkan suami itu melafazkan perceraian dengan cara penebusan, dan perceraian itu adalah ba'in sughra atau tidak boleh dirujuk.*”

## (4) Hak sesudah berlaku perceraian

Hak sesudah perceraian bagi wanita ada beberapa bahagian, iaitu hak mendapat bayaran mutaah, hak mendapat harta sepencarian, hak mendapatkan nafkah semasa idah, dan hak keutamaan dalam menjaga anak:

## (a) Hak mendapat bayaran mutaah

Sekiranya berlaku perceraian pihak suami perlu membayar mutaah kepada pihak isteri. Seseorang perempuan yang dicerai tanpa sebab yang munasabah boleh memohon mutaah dan saguhati daripada mahkamah. Selepas mahkamah mendengar daripada kedua pihak dan berpuas hati bahawa perempuan itu dicerai tanpa sebab yang munasabah, maka pihak mahkamah boleh meminta suaminya agar membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.

## (b) Hak mendapat harta sepencarian

Harta sepencarian adat melayu yang diterapkan secara baik ke dalam hukum Islam di bawah prinsip penerimaan adat yang tidak bercanggah dengan syariat Islam.

## (c) Hak mendapatkan nafkah semasa idah

Nafkah merupakan hak asas bagi seorang wanita dan hukumnya adalah wajib diberikan oleh suami kepada isterinya walaupun sudah berlaku perceraian dan bekas isterinya itu masih dalam

idah. Hal ini kerana dikatakan mereka masih lagi berkedudukan sebagai suami isteri sehingga habis idah. Fasal 65 yang berbunyi:

*"Hak bagi seseorang isteri yang bercerai untuk menerima naikah daripada suaminya yang dahulu di bawah sesuatu perintah mahkamah hendaklah terhenti apabila tamat idah atau apabila isteri itu hidup dalam perzinaan dengan orang lain. "*

(d) Hak keutamaan dalam menjaga anak

Hak penjagaan ini dinamakan sebagai hadanah. Hadanah bermaksud hak penjagaan anak yang masih di bawah umur sekiranya berlaku perceraian antara kedua ibu bapanya. Dalam hukum Islam tedapat beberapa percanggahan mengenai hak memperolehi penjagaan anak-anak. Walaubagaimanapun, pada kebiasaan hak penjagaan yang utama adalah kepada ibu. Hadanah itu sendiri berasal daripada perkataan hadinah, iaitu perempuan yang mempunyai hak mendidik seseorang kanak-kanak. Jelas menggambarkan Islam mengutamakan hak penjagaan kanak-kanak. Namun begitu, terdapat beberapa syarat seperti wanita tersebut mestilah Islam, sempurna akal, umurnya melayakkan dia memberi kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak, berakhhlak baik daripada segi akhlak Islamiah dan tinggal di tempat yang mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.

Pada zaman Rasulallah s.a.w. berlaku suatu peristiwa di mana Rasulallah s.a.w. didatangi oleh seorang lelaki yang bertanya kepada Rasulallah s.a.w., siapakah yang harus dia berbakti dan melakukan kebaikan. Lalu beliau berkata: Berbaktilah kepada ibumu. Kemudian lelaki tersebut bertanya lagi kepada Rasulallah s.a.w. siapakah seterusnya, lalu beliau menjawab: Ibumu. Lelaki tersebut meneruskan pertanyaannya lagi dan Rasulallah s.a.w. menjawab: Ibumu. Lelaki tersebut masih bertanyakan soalan yang sama lalu Rasulallah s.a.w. berkata:

Berbaktilah kepada ayahmu. Dan buat terakhir kalinya lelaki tersebut bertanya lagi kepada Rasulallah s.a.w. lalu beliau menjawab: Saudara terdekatmu. Melalui peristiwa ini, Rasulallah s.a.w. menggambarkan kepentingan wanita dan keutamaan wanita dalam Islam dengan menyebut nama ibu atau wanita sebanyak tiga kali. Itu adalah antara peristiwa yang menggambarkan ketingian dan keutamaan wanita dalam sesebuah sistem kekeluargaan.

### STATUS WANITA DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH

Dalam undang-undang jenayah taraf wanita adalah sama dengan taraf lelaki sama ada baik ataupun tidak. Dalam al-Quran juga menegaskan hal ini. Dalam surah al-Nisaa' Allah S.W.T. berfirman:

يَأَيُّهَا أَنَّاسُمْ أَتَقُوْرِبُكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَجَطَّ وَخَلَقَ مِنْهَا رَوْجَهَا وَبَثَ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

Maksud: "Wahai sekalian manusia beriakwalah kamu kepada Tuhan kamu yang menjadikan kamu daripada seorang diri dan daripadanya Allah S.W.T. menciptakan isterinya dan daripada keduanya Allah S.W.T. memperkembang biakan lelaki dan perempuan yang banyak."

(Surah al-Nisaa', 5: 1)

Allah S.W.T. juga berfirman dalam surah al-Nahl yang menunjukkan taraf wanita dan lelaki adalah sama:

مَنْ عَمِلَ صَدِيقًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْبِّبِنَّهُ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِإِحْسَانٍ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ١٧

Maksud: "Barang siapa yang mengerjakan amal soleh sama ada lelaki atau perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan kami berikan kepada kehidupan yang baik. Dan sesungguhnya akan

*kami berikan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik daripada apa yang mereka kerjakan. ”*

(Surah al-Nahl, 16:97)

Dalam hal tentang hukuman qisas para fuqaha bercanggah pendapat untuk membezakan hukuman lelaki dan perempuan. Sebilangan fuqaha membezakan hukuman qisas lelaki dan perempuan adalah berbeza. Namun begitu, Abu Hanifah berpendapat bahawa hukuman qisas tidak boleh dilaksanakan dalam kes-kes yang melibatkan lelaki dan perempuan. Abu Hanifah membezakan kes kematian dan kes kecederaan. Jika melibatkan kes kematian lelaki dan perempuan adalah sama taraf tetapi kes yang melibatkan kecederaan lelaki dan perempuan adalah tidak sama taraf.

Pendapat Abu Hanifah tidak dapat diterima oleh para fuqaha yang lain seperti Imam Syafie, Imam Ahmad bin Hanbal dan Imam Malik. Mereka berpendapat bahawa taraf lelaki dan wanita adalah sama taraf. Misalnya dalam kes zina, Allah S.W.T. berfirman: “*Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, maka sebatlah kedua mereka dengan seratus kali sebat.*” (Surah al-Nur: 2) . Melalui firman tersebut Allah S.W.T. tidak membezakan hukuman keatas lelaki dan wanita.

## HAK UNTUK MEMILIKI HARTA DAN KEKAYAAN

Wanita berhak untuk memiliki dan mempunyai harta mereka sendiri. Mereka berhak membelanjakan harta mereka mengikut keperluan masing-masing, lebih-lebih lagi harta atas titik peluh mereka sendiri. Dalam Islam hal ini lama di titik beratkan namun wanita barat pada akhir-akhir ini baru merasai hak mereka untuk mempunyai harta mereka sendiri. Di India, nikmat yang di perolehi oleh wanita Islam baru dapat di nikmati oleh wanita di sana kira-kira pada tahun 1956 (Suhaib Hassan, 2007 ). Menurut al-Quran: “*And wish not for the things in which Allah has made some of you excel the others. For men there is reward for what they have earned, (and likewise) for women there is reward for what they have earned, and ask Allah of His Bounty. Surely, Allah is Ever All-Knower of everything.*” (V. 4: 32).

## **WANITA DALAM ISLAM**

Dari segi aspek spiritual, iaitu melalui al-Quran, jelas mengatakan bahawa tisza perbezaan yang besar antara wanita dan lelaki dari segi hak dan tanggungjawab. Perkara ini dinyatakan dalam al-Quran: "Every soul will be (held) in pledge for its deeds" (*Surah al-Muddaththir*, 74: 38); "So their Lord accepted their prayers, (saying): I will not suffer to be lost the work of any of you whether male or female. You proceed one from another." (*Surah Ali 'Imran*, 3: 195); dan Whoever works righteousness, man or woman, and has faith, verily to him will We give a new life that is good and pure, and We will bestow on such their reward according to the their actions. (*Surah al-Nahl*, 16: 97).

Wanita menurut al-Quran tidak dipersalahkan atas kesalahan pertama yang dilakukan oleh Adam. Kedua-dua mereka bertaubat dan diampunkan (*Qur'an* 2: 36, 7: 20 - 24). Dari segi ibadah dalam Islam pula seperti solat lima waktu dan puasa, wanita mempunyai keistimewaan daripada lelaki, iaitu wanita mendapat pengecualian apabila mereka datang haid (Jamal A. Badawi. 1980 ).

### **Aspek Sosial**

Terdapat tiga peringkat dalam aspek sosial, iaitu kanak-kanak atau remaja, isteri dan seterusnya adalah ibu.

#### ***Kanak-kanak dan Remaja***

Kanak-kanak perempuan Islam tidak dibezakan dengan kanak-kanak lelaki Islam. Mereka sama-sama mempunyai hak dalam menjalani kehidupan sebagai kanak-kanak biasa. Terdapat sesetengah orang yang mengatakan bahawa kanak-kanak perempuan Islam tidak digalakkan bersekolah, namun itu adalah tidak benar. Kanak-kanak perempuan Islam perlu menuntut ilmu demi masa hadapan mereka sendiri. Rasulallah s.a.w. berkata: "*Seeking knowledge is mandatory for every Muslim*" (*AlBayhaqi*). *Muslim as used here including both males and females.*

### ***Isteri***

Perkahwinan menurut Islam adalah perkongsian aspek kehidupan antara lelaki dan wanita separuh dari aspek sosial. Selain itu, perkahwinan juga adalah untuk mencapai objektif memperkembangkan umat manusia, keperluan naluri dan juga di anggap sebagai ibadah. Wanita juga mempunyai hak untuk menentukan jodoh mereka.

### ***Ibu***

Ibu bapa adalah insane yang sangat tinggi pangkat dan darjatnya. Kita wajib menghormati dan menjaga ibubapa kita. Bagi wanita yang bergelar ibu, emak, mama, mahupun ummi mereka mempunyai hak yang sangat tinggi bak kata pepatah *syurga adalah ditelapak kaki ibu*. Wanita yang bergelar ibu mempunyai hak yang tinggi dalam pelbagai aspek kehidupan seperti tempat tinggal dan nafkah untuk makanan ataupun pakaian yang wajib disediakan oleh suami.

### **Aspek Politik**

Dari segi aspek politik, terdapat beberapa kajian yang jelas menunjukkan wanita mempunyai hak yang sama dalam politik. Hal ini meliputi pemilihan dan pencalonan dalam hal ehwal politik. Sama seperti dalam al-Quran dan sejarah Islam sendiri di mana semasa zaman Khilafah Omar Ibn al-Khattab, seorang wanita menyangkal sesuatu perkara di dalam masjid untuk membuktikan dirinya di hadapan semua orang bahawa “*Wanita adalah benar dan Omar adalah salah*”(Jamal A. Badawi 1980). Hal ini membuktikan wanita mempunyai hak bersuara dalam hal politik tidak seperti yang difikirkan oleh masyarakat luar mengenai hak-hak wanita Islam.

Hak-hak wanita berpolitik dalam Islam terbahagi kepada dua, iaitu sebelum kedatangan Islam dan selepas kedatangan Islam.

### **Hak-hak wanita berpolitik sebelum kedatangan Islam**

Sebelum kedatangan Islam kaum wanita dipandang hina dan lemah oleh kaum lelaki. Mereka menganggap wanita tidak setaraf dengan

mereka disebabkan oleh kelembutan wanita yang dianggap lemah. Sedangkan kedudukan wanita dalam Islam adalah mulia dan sama taraf dengan lelaki.

### ***Wanita dalam Masyarakat Yunani***

Kedudukan wanita dalam masyarakat Yunani sangat rendah. Mereka selalu dihina oleh kaum lelaki melalui pelbagai cara seperti menghina wanita dalam syair-syair yang mereka cipta. Mereka tidak mempunyai hak untuk menentukan hidup mereka dan hidup mereka terkongkong. Mereka dipaksa berkahwin dengan sesiapa sahaja tanpa rela. Bagi kaum lelaki ketika itu persetujuan wanita untuk berkahwin tidak penting. Wanita tersebut mestilah berkahwin tidak kira bersetuju ataupun tidak. Wanita juga dianggap sebagai *khadam* (hamba) oleh kaum lelaki. Bagi wanita yang berumur panjang, tugas mereka adalah menjadi hamba kepada lelaki seumur hidup meraka. Tanpa persetujuan oleh kaum lelaki, wanita tidak layak atau tidak dibenarkan menguruskan harta. Wanita juga tidak boleh bergaul dengan masyarakat. Kaum lelaki menganggap wanita tidak memberikan apa-apa sumbangan kepada masyarakat:

*"Kewujudan wanita menjadi punca utama krisis dan kemerosotan dunia. Mereka ibarat sebatang pokok yang beracun. Di luar nampak cantik, tetapi sebaik saja burung memakannya, burung itu mati ketika itu juga." (Ahli falsafah Socrates).*

(Shayuthiy Abdul Manas, 2008: 2)

Petikan ini menunjukkan bagaimana ahli falsafah pada zaman sebelum Islam menganggap kedudukan wanita sangat hina. Mereka sanggup mengatakan bahawa wanita adalah punca kemerosotan dunia. Mereka juga menganggap wanita tidak layak untuk bersosial dan kewujudan wanita di muka bumi ini tidak memberikan apa-apa makna dalam pentadbiran di dunia.

### ***Wanita dalam Masyarakat Rom***

Kedudukan wanita dalam masyarakat Rom dikuasai oleh lelaki. Hak seorang anak perempuan diletakkan di bawah kuasa bapanya. Seorang

bapa boleh membuat apa yang mereka suka tehadap anak perempuan mereka. Mereka boleh menjual anak mereka sesuka hati. Hal ini menyebabkan berlakunya gejala seks bebas pada zaman itu. Sekiranya seorang wanita itu berkahwin, maka dia mesti mengikut arahan suaminya dan suaminya berkuasa ke atas dia. Pada zaman tersebut kaum lelaki umpama seperti seorang hakim yang berkuasa. Mereka berkuasa menjual, membunuh dan menyeksa anak-anak dan isteri mereka. (Shayuthiy Abdul Manas, 2008: 4).

### ***Wanita dalam Masyarakat Hindu***

Masyarakat Hindu juga seperti masyarakat Yunani dan masyarakat Rom yang menganggap kedudukan wanita adalah rendah dan hina. Penghinaan dan kerendahan kaum wanita lama berlaku dalam masyarakat social Brahmin. Wanita menjadi hamba lelaki. Mereka tidak boleh bercakap kasar dan menyebut nama lelaki tersebut. Wanita India memanggil suami mereka dengan gelaran 'Wahai Tuanku' atau 'Wahai Tuhanku'. Hal ini berlaku kerana wanita menganggap suami mereka adalah Tuhan kecil (Shayuthiy Abdul Manas, 2008: 6).

### ***Wanita dalam Masyarakat Mesir***

Tamadun Mesir merupakan tamadun yang terawal memuliakan kaum wanita. Akan tetapi cara mereka memuliakan kaum wanita tidak sama dengan cara Islam memuliakan kaum wanita. Wanita Mesir berhak memiliki dan mewarisi harta. Mereka juga diberikan kemuliaan dengan menamakan anak melalui nama ibu bukannya bapa. Adat-adat penduduk Mesir juga berbeza dengan adat tamadun lain. Kaum wanita boleh keluar ke mana-mana sahaja dan pulang pada bila-bila masa sahaja. Mereka juga dibenarkan berniaga di pasar dan membuat apa-apa kerja yang dilakukan oleh lelaki. Disebabkan ibu yang mempunyai segala harta, maka anak perempuan berhak mewarisi harta warisan tetapi dengan syarat mereka mestilah menjaga kedua ibu bapa mereka. Antara kaum wanita yang menduduki takhta pemerintahan Negara ialah Martis Nabit, Khantkhawas, anak perempuan Afrat, Sik Nafro, Hateshbésut, dan Hamah Hatab. Hal ini berlaku setalah kedatangan Islam (Shayuthiy Abdul Manas, 2008: 13).

## RUMUSAN

Status undang-undang wanita dalam Islam dapat disimpulkan bahawa wanita mempunyai hak keistimewaan tersendiri dalam Islam tidak seperti yang disangkal oleh orang Barat. Wanita dalam Islam tidak ditindas oleh mana-mana pihak sebagai contoh dalam perkahwinan Islam, wanita diberikan banyak keistimewaan demi menjaga maruah dan kebijakan diri sendiri seperti yang dibincangkan sebelum ini. Kedudukan wanita dalam Islam juga lebih terjamin dengan adanya undang-undang yang berpihak kepada wanita.

## RUJUKAN

- Prof. Madya Datin Dr. Paizah Ismail. 2010. *Wanita Status Sosial Dan Undang-undang Islam*. Cetakan pertama. Shah Alam. Selangor: Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Imam A. M Khattab. *The Status of Women In Islam (Is Women Equal to Man or Not?)*. (16. 8. 2007).
- Tanpa Pengarang. 1984. *Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984*. <http://www2.esyariah.gov.my> (28 Mac 1985).
- Suhaib Hassan. *The Rights and Duties of Women in Islam*. <http://Islamicstudies.Islammassage.com/panel/media/file/The%20Rights%20And%20Duties%20Of%20Women.pdf>, (16. 8. 2007).
- Jawad H. A. 1998. *The Rights of Women in Islam (an Aunthentic Approach)*. London: MacMillan Press Ltd.
- Jamal A. Badawi. 1980. *The Status of Women in Islam*. USA: Dept. of Education and Training MSA of U. S. and Canada
- Shayuthiy Abdul Manas, 2008. *Apa Kata Islam Mengenai Wanita Berpolitik*. Batu Caves, Selangor. PTS Islamika Publication and Distributers.